

Kuota sekat pelajar Bumiputera ke IPTS: PM

BH 15 JUN 2002

Oleh Kadir Dikoh

SUBANG, Jumaat — Sebarang langkah untuk menegenakan sistem kuota bagi pengambiiian peiajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) akan menyekat serta mengehadkan jumlah kemasukan iebih ramai mereka ke situ.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, jika kuota 10 peratus diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera untuk memasuki IPTS, bermakna hanya jumlah itu saja boleh masuk sedangkan ramai lagi yang layak.

“Mengapa periu menetapkan 10 peratus jika kita boleh mempunyai 40, 60 atau 100 peratus (Bumiputera ke IPTS). Sudah ada universiti swasta di mana kita ada sejumlah besar (pelajar Bumiputera).

“Jika anda kata 10 peratus, anda sebenarnya mengehadkan mereka. Jika mereka layak, mereka tidak sepatutnya dikurangkan kepada 10 peratus saja tetapi harus dibenarkan masuk seberapa banyak,” katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini selepas pulang daripada lawatan seminggu ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg, hari ini.

Baru-baru ini, Ketua i'ergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pihaknya tidak teragak-agak untuk menuntut IPTS supaya memberikan

kuota 10 peratus kepada pelajar Bumiputera jika mereka gagal menseimbangan kedudukan kaum di institusi pendidikan swasta itu.

Kesatuan Guru-Guru Meiayu Malaysia Barat (KGMMB) turut mencadangkan kerajaan mewajibkan IPTS melaksanakan sistem kuota. Syor sistem kuota untuk IPTS itu timbul semua berikutan iangkah kerajaan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada peiajar bukan Bumiputera ke MRSM.

Minggu iaiu puia, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dipetik sebagai berkata, soai kuota 10 peratus peiajar Bumiputera dalam IPTS tidak periu kerana mereka menerima peibagai kemudahan untuk beiaiar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan universiti iuar negara.

Hishammuddin menyifatkan kenyataan Presiden MCA itu angkuh dan tidak sensitif kepada perpaduan kaum. Berikutan itu, Timbalian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta isu itu dibawa ke Kabinet serta menyaranakan Hishammuddin dan Dr Ling bertemu membincangkannya.

Kabinet Rabu iaiu pula memutuskan biangan peiajar Bumiputera di IPTS harus ditingkatkan sejajar saranan Pergerakan Pemuda Umno.

Dr Mahathir bagaimana-pun menyifatkan apa yang berlaku di antara Dr Ling

dan Hishammuddin itu sebagai saiah faham.

Beiaiu berkata, ramai peiajar Bumiputera yang iayak dan ini beriaiku di IPTA dengan jumlah mereka meiebihi kuota tetapi pada masa yang sama, 55 peratus kuota dikenakan.

“Ini menyebabkan ramai Bumiputera tidak dapat masuk (ke IPTA). Tetapi tahun ini, seperti diketahui, iebih 60 peratus masuk ke universiti (awam).

“Jika jumlah Bumiputera yang iayak untuk menyertai universiti swasta adalah tinggi, mereka harus dibenar masuk. Ia tidak harus ada kuota. Katakannya 10 peratus, walaupun mereka iayak, tak dapat masuk (meiebihi 10 peratus)...itu salah,” katanya.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan mengemukakan, 32,752 lepasan Sijil Tinggi Persekoiahan Malaysia (STPM) dan keiayakan setaraf, termasuk 22,557 atau 68.9 peratus peiajar Bumiputera dipiilih meianjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan peiajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya bermua tahun ini dan bukan lagi sistem kuota mengikut kaum, yang memperuntukkan 55 peratus bagi peiajar Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera, seperti diamainkan sebelum ini.